

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

ELAK DENDA TINGGI: KONTRAKTOR DIINGATKAN UNTUK BERDAFTAR DAN PERBAHARUI PENDAFTARAN KONTRAKTOR

KUALA LUMPUR (11 MAC 2024) – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ingin menasihatkan semua kontraktor untuk sentiasa memastikan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) masih di dalam tempoh sah pendaftaran sebelum mengakujanji, menjalankan atau menyiapkan kerja pembinaan bagi mengelakkan dari dikenakan tindakan pendakwaan. Terbaru syarikat Coolcare (M) Sdn. Bhd. yang melakukan kerja-kerja pembinaan di Selangor telah dikenakan denda sebanyak RM70,000.00 oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam kerana menjalankan kerja pembinaan tanpa memiliki PPK yang dikeluarkan oleh CIDB.

Menurut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) Seksyen 25, semua kontraktor pembinaan samada tempatan atau asing dikehendaki berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) atau CIDB sebelum mengakujanji, menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan di Malaysia. Pelanggaran Seksyen tersebut menyebabkan kontraktor boleh dikenakan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit oleh Mahkamah.

Berdasarkan statistik sepanjang tahun 2023, CIDB telah merekodkan sebanyak 1,359 kompaun yang dikenakan terhadap kontraktor berkaitan kesalahan pendaftaran kontraktor dan pelbagai kesalahan lain di bawah Akta 520 seperti

kegagalan mengisytihar projek, pembayaran levi, berurusan dengan bahan binaan yang tidak diperakukan dan melantik pekerja yang tidak diakreditasi. Manakala 5 kontraktor daripada jumlah tersebut telah dikenakan tindakan Mahkamah setelah gagal menyelesaikan kompaun yang dikenakan kepada mereka. Selain itu, bagi kes pelanggaran tanggungjawab kontraktor, CIDB telah membawa sejumlah 153 kontraktor berdaftar ke prosiding tatatertib kontraktor yang boleh membawa kepada hukuman gantung atau batal pendaftaran.

Perakuan pendaftaran kontraktor boleh dibuat di cims.cidb.gov.my. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my atau hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
